

19 MAR 2001

Mahathir - pendidikan

PENDIDIKAN SATU ALIRAN TELAH PUN DIPRAKTIKKAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sistem pendidikan satu aliran sebenarnya telah pun dipraktikkan di negara ini melalui sistem sekolah kebangsaan.

"Kita sudah pun ada sekolah satu aliran...banyak orang tak faham kita telah pun ada National School System (sistem sekolah kebangsaan)," kata Perdana Menteri ketika ditemui pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat wakil rakyat Barisan Nasional di bangunan Parlimen di sini.

Beliau diminta mengulas mengenai syor supaya kerajaan mewujudkan sekolah satu aliran bagi mengukuhkan perpaduan kaum.

Dr Mahathir berkata bahawa semasa kerajaan membentuk sistem sekolah kebangsaan dahulu, sekolah-sekolah aliran Cina dan Tamil sudah pun ada.

Katanya kerajaan memberi bantuan supaya sekolah aliran Cina dan Tamil itu tidak perlu ditutup dengan harapan penuntut mereka kelak akan menyertai Sekolah Kebangsaan.

Apa yang berlaku kemudian ialah sekolah kebangsaan dilihat sebagai dikuasai oleh golongan yang cuba menjadikan sekolah itu sebagai sekolah agama Islam, katanya.

Ini menyebabkan orang Cina dan India tidak berminat untuk pergi ke sekolah kebangsaan, kata Dr Mahathir.

"Kita janji untuk mengadakan guru bahasa ibunda tetapi kita tidak dapat membekalkannya...tetapi bukan kerana dasar kerajaan ini terjadi.

"Kita akan latih lebih banyak guru...tolong pujuk orang ramai menyertai profesion perguruan dan menjadi guru bagi bahasa ibunda mereka.

"Kita mahu mereka belajar bahasa sendiri. (Malaysia) satu-satunya negara di Asia Tenggara atau mungkin di dunia yang kerajaan benarkan dan galakkan bahasa bukan bumiputera," katanya.

Dr Mahathir yakin sekiranya sekolah kebangsaan dijadikan lebih menarik, penuntut kaum India dan Cina akan berminat menyertai sekolah berkenaan.

"Kita tentukan penuntut yang terdiri daripada orang Islam tidak cuba memaksa orang bukan Islam mengikuti cara hidup mereka, termasuk nak paksa orang bukan Islam pakai tudung dan sebagainya.

"Mereka akan dapat pelajaran yang sama dan dapat belajar bahasa ibunda mereka dan tidak ada tekanan seolah-olah mereka mesti terima adab resam dan cara-cara orang Islam," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

MS AKT MAI